

04/09/1999

Pelabur bosan lakonan hodoh Media asing

SELEPAS tiga hari 1 September 1999 berlalu yang menyaksikan pengeluaran dana pelaburan portfolio asing pada jumlah yang kecil, terbukti sudah apa yang digembar-gemburkan oleh media dan penganalisis asing sebelum ini meleset sekali. Namun, perkara itu masih cuba dijadikan isu walaupun sebenarnya mereka sudah malu alah. Televisyen dan media cetak asing yang begitu lantang mengupas isu ini sebelum tarikh keramat itu, tetap enggan mengalah. Lantaran itu, dengan pelbagai cara penulisan dan gaya laporan, mereka terus mahu mempertontonkan kepada masyarakat kewangan dunia bahawa apa yang dilakukan Malaysia adalah salah. Lantas, sehari dua ini laporan yang dibuat tidak sedikit pun menyebut bahawa jumlah dana yang dibawa keluar amat kecil berbanding dengan apa yang mereka ramalkan sebelum ini. Malah mereka masih cuba membesar-besarkan isu pengeluaran dana itu dengan mengaitkan pula kejatuhan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), dua hari berturut.

Semalam BSKL kembali pulih berikutan dengan kenaikan indeksinya. Tetapi kita tidak akan terkejut beberapa hari lagi mungkin akan ada perkara lain pula yang diperbesar dan diputarbelitkan bagi membolehkan ia dihubungkan semula dengan isu pemindahan keluar dana asing itu. Ini sengaja dibuat agar mampu menyokong kembali analisis dan pandangan mereka yang salah itu. Umpama terlajak kata yang tidak dapat ditarik balik, golongan ini seolah-olah enggan menerima hakikat bahawa apa yang mereka perlekehkan terhadap tindakan kebijaksanaan kerajaan menguruskan hal ehwal ekonomi negara, sebenarnya adalah yang terbaik. Selepas inipun, jauh sekali untuk mereka membuat jangkaan baru bahawa semua dana itu akan kembali dalam bentuk pelaburan semula berikutan arah aliran positif terhadap asas ekonomi negara termasuk penerimaan semula BSKL dalam indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI), pada Februari 2000. Malah kedudukan baik Malaysia bagi menghadapi pengaliran keluar ini berikutan rizab tukaran asing Bank Negara sekarang berjumlah AS\$39 bilion (RM148.2 bilion) mencukupi menampung perbelanjaan import selama tujuh bulan, jika boleh pun mahu mereka perkecilkan bagi menghakis keyakinan terhadap kemantapan ekonomi negara.

Inilah sebenarnya lakonan media serta penganalisis asing yang sejak dulu lagi sudah terpahat rangka rujuk buruk terhadap Malaysia di sebalik apa jua kebaikan dan pengiktirafan yang diterima. Siri episod jahat mereka terhadap negara membangun dan dunia ketiga sudah bertali-temali sejak berkurun lamanya. Ketika kejadian hitam 13 Mei 1967, penganalisis politik Barat dan media mereka terus meramal Malaysia akan punah dan tidak mungkin stabil dan kembali pulih. Ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, tidak ada juga pakar ekonomi mereka yang sanggup bercerita baik mengenai dasar itu. Tetapi kini ia diakui oleh berbagai pihak sebagai sebab utama rakyat berbilang kaum telah dapat hidup dalam keadaan harmoni dan berbaik. Ia juga terbukti berjaya mensembangkan jurang kemiskinan antara kaum. Ketika Tengku Razaleigh Hamzah menentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak ada juga yang percaya, Presiden Umno itu akan kekal. Selepas Umno diharamkan, tiada juga laporan menyebut ketuanan dan parti tunjang orang Melayu itu akan mantap semula hingga hari ini. Malah, golongan ini juga tidak percaya langsung Barisan Nasional dalam pilihan raya kali ini mampu mempertahankan majoriti dua pertiga.

Rakyat sudah cukup masak dan meluat dengan semua ini. Ibarat masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Justeru, kita tidak ambil peduli

langsung apa juga ramalan buruk mereka kerana kita sendiri tahu kebolehan, kemampuan dan apa yang kita mahu untuk membawa Malaysia menuju ke alaf yang gemilang. Cuma perlu diingatkan, jangan ada kalangan kita sendiri terutamanya pengamal dan penganalisis ekonomi tempatan mudah dipesongkan untuk terus terikut-ikut dengan lakonan hodoh dan rentak mereka yang selalu sumbang itu.

Kini dasar kawalan modal berpilih yang diperkenalkan September tahun lalu, jelas tidak begitu memberi kesan buruk ke atas pasaran dan ekonomi. Semua kekhuatiran mengenai Malaysia sebagai lokasi pelaburan kini sudah terjawab dan tiada sebab untuk pelabur menarik keluar modal mereka secara besar-besaran.

Perkembangan positif yang ditunjukkan terutama perangkaan pertumbuhan ekonomi 4.1 peratus bagi suku kedua 1999, meningkatkan keyakinan masyarakat kewangan antarabangsa terhadap pasaran modal negara. Mereka mula melihat 1 September bukan tarikh untuk menarik keluar modal, sebaliknya permulaan untuk mula menanam modal di Malaysia kerana persekitaran pelaburan kini lebih terjamin. Jika dulu, ada yang bimbang mengenai sekatan atau perubahan dasar yang mungkin berlaku, kini semuanya sudah lenyap dan peluang terbuka luas untuk dimanfaatkan sesiapa sahaja yang bertindak pantas. Pengalaman setahun itu juga membuktikan pengurusan ekonomi mestilah secara praktikal, bukan mendukung teori pakar ekonomi terkemuka dunia yang selalu diwar-warkan secara membuta-tuli.

(END)